

	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</p> <p>Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
-----------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

"PERBADANAN PUTRAJAYA ANJUR 3 PROGRAM SERENTAK"

PUTRAJAYA, 25 SEPTEMBER 2019 – Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Bin Haji Bakar menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Hari Terbuka Putrajaya, Karnival Putrajaya dan Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2019 di Dewan Sri Siantan, Kompleks PPj.

Turut hadir, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Siti Fatimah Binti Daud dan Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Bertemakan "Sehari Bersama Rakyat, Menyediakan 1001 Perkhidmatan", program anjuran bersama Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan PPj bertujuan untuk memberi peluang kepada semua kementerian dan agensi kerajaan bagi menawarkan perkhidmatan kepada rakyat secara serentak. Di samping itu, program ini dapat memberi peluang kepada rakyat, pemegang taruh untuk berhubung, berkomunikasi serta mendapat pendedahan mengenai kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Hari Terbuka Putrajaya melibatkan penawaran perkhidmatan oleh 23 kementerian dan lebih 90 agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya di Presint 1 (Parcel A, B, C, D dan E), Presint 2 hingga Presint 5 dan Presint 7 akan dibuka pada 5 Oktober 2019 bermula jam 9 pagi hingga 9 malam.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah diskaun saman trafik, pemasangan RFID Percuma, karnival kerjaya, semakan wang tidak dituntut, urusan pencen, gym percuma dan banyak lagi buat pengunjung yang hadir. Antara segmen menarik yang turut diadakan adalah Pameran Angkatan Tentera Malaysia dan *Putrajaya Animal Lovers Fiesta* (PALOF).

Selain daripada itu, turut diumumkan pengumuman pengumuman Karnival Putrajaya 2019 pada 4-6 Oktober 2019 bermula jam 8 pagi hingga 10 malam. Bertemakan "Ke Arah Komuniti Sejahtera", Karnival Putrajaya menawarkan sebanyak 37 acara seperti aktiviti kecergasan, persembahan, pertandingan, aktiviti jualan produk komuniti dan aktiviti kanak-kanak dalam tujuan untuk merapatkan lagi hubungan komuniti Putrajaya

dengan PPj.

Selaras dengan halatuju Putrajaya Smart City Blueprint, PPj juga turut menganjurkan DiPEC bermula 3 hingga 5 Oktober 2019. Dengan tema "Building Smarter City For The Rakyat", program ini akan menonjolkan lebih 50 pameran teknologi daripada institusi awam dan syarikat swasta. Selain dari itu, lebih daripada 30 orang pembentang akan membicarakan topik-topik berkaitan teknologi bandar raya pintar.

Masuk adalah percuma. Terdapat lebih 2,000 lot tempat letak kereta percuma disediakan di sekitar tapak acara. PPj juga turut menyediakan 6 bas percuma dari Putrajaya Sentral ke semua kementerian yang terlibat. Maklumat lanjut mengenai Hari Terbuka Putrajaya, Karnival Putrajaya dan DiPEC, sila layari <https://pod.putrajaya.my>.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Pra Pelancaran Hari Terbuka Putrajaya, Karnival Putrajaya dan Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2019, sila hubungi En Mohd Fairus Bin Mohd Padzil, Pegawai Media, PPj di talian 03-88877347/019-3354346.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 24 September 2019